

U 8283 BAH
MAHATHIR - KANAK-KANAK

KUALA LUMPUR, 11 SEPT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI BERKATA BELIAU DANGGA TERHADAP SAMBUTAN RAKYAT NEGARA INI TERHADAP ACARA +LARIAN MENGEJAR MASA+ SPORT AID '88 YANG DIADAKAN BAGI MENDANTU KANAK-KANAK YANG MENDERITA DI SELURUH DUNIA.

PERDANA MENTERI BERKATA, SAMBUTAN HANGAT YANG DITUNJUKKAN ITU MEMBUKTIKAN BAHAWA RAKYAT MALAYSIA ADALAH BERTIMBANG RASA DAN BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP GOLONGAN YANG TIDAK BERNASIB BAIK.

+KANAK-KANAK YANG MENDERITA AKIBAT PENYAKIT, KEMISKINAN SERTA PEKERANGAN WAJAR DIBERI PERHATIAN OLEH GOLONGAN YANG BERKEMAMPUAN KERANA KANAK-KANAK ITU TIDAK HAMPU MENOLONG DIRI MEREKA SENDIRI,+ KATANYA KEPADA PEMBERITA SELEPAS PERMULAAN ACARA ITU DI SINI.

BELIAU BERKATA, KANAK-KANAK SEDEMIKIAN MISALNYA DI SUDAN DAN BEBERAPA NEGARA LAIN DI BENUA AFRIKA WAJAR DIBERI PERHATIAN OLEH GOLONGAN YANG BERKEMAMPUAN DENGAN MENGHULURKAN BANTUAN.

ACARA ITU DIADAKAN HANYA DENGAN TUJUAN MEMBANTU KANAK-KANAK MALANG DI SELURUH DUNIA DAN BUKANNYA UNTUK TUJUAN LAIN, MISALNYA MENGGALAKKAN PELANCONGAN, TAMBAHNYA. -- LAGI
0059MST 12 09 88

U 8288 BAH
MAHATHIR - KANAK-KANAK 2 KUALA LUMPUR

SEDELUK ITU DATUK SERI DR MAHA HIR MENYALAKAN API DI SEBUAH KAWAH KHAS DI HADAPAN JALAN SULTAN ABDUL SAMAD DI SINI SEBAGAI MEMANDAKAN BERMULANYA ACARA KEBAJIKAN ITU, YANG DIADAKAN SERENTAK DI KIRA-KIRA 300 BANDARAYA LAIN DI SELURUH DUNIA.

KIRA-KIRA 30,000 ORANG, TERMASUK PARA MENTERI KABINET MENYERTAI LARIAN ITU.

MENTERI PENERANGAN DATUK MOHAMED RAHMAT PULA BERKATA SEMANGAT YANG DITUNJUKKAN OLEH RAKYAT SEHASA ACARA +LARIAN MENGEJAR MASA+ SPORT AID '88 MALAM INI ADALAH PENTING KE ARAH PEMBINAAN SEBUAH NEGARA +MALAYSIA BARU+.

BELIAU BERKATA, SEMANGAT SEDEMIKIAN ADALAH PERLU UNTUK MEMJADIKAN NEGARA INI SEBUAH NEGARA YANG KUAT DENGAN WUJUDNYA PERPADUAN YANG JELAS DI KALANGAN RAKYAT.

+BIAR APAPUN MASALAH YANG DIHADAPI, SESUATU PERJUANGAN AKAN BEROLEH KEJAYAAN SEKIRANYA RAKYAT MEMPUNYAI SEMANGAT DAN KEINGINAN UNTUK TERUS HAJU,+ KATANYA.

DATUK MOHAMED BERKATA, ACARA ITU BERJAYA KERANA ADANYA SEMANGAT CINTAKAN NEGARA DI KALANGAN RAKYAT.

MENGEMAI SUMBANGAN DERMA, BELIAU MENGINGATKAN RAKYAT SUPAYA TIDAK TERPEDAYA OLEH KALANGAN YANG CUBA MENGAMBIL KESEMPATAN MEMUNGUT DERMA SEMPENA ACARA ITU. -- BERNAMA

0124MST 12 09 88